

**Penghijrahan ke pentadbiran digital langkah tepat - Abang Johari  
Astro Awani  
20 Ogos 2020  
Rahimah Abdullah,**

KUCHING: Sarawak kini terus mengorak langkah daripada kaedah konvensional ke arah digital selaras dengan perkembangan teknologi semasa ketika ini.

Demikian ujar Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg yang menekankan akan kepentingan transformasi tersebut.

Jelasnya, kepesatan ekonomi ketika ini memerlukan masyarakat negeri ini untuk berpindah daripada kaedah-kaedah konvensional kepada kaedah digital.

“Kita harus bermula di satu titik dan tidak perlu menunggu semuanya sempurna supaya tidak ketinggalan dalam era digital ini,” jelasnya pada Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Sarawak 1441 Hijrah/2020 di Masjid Al Abyad, Matang Jaya pada Rabu.

Tambahnya, Sarawak bernasib baik kerana sudah mengorak langkah ke arah pendigitalan dengan Persidangan Ekonomi Digital Antarabangsa Sarawak (IDECS) pertama pada 2017 walau berdepan kritikan.

Katanya juga, dalam usaha untuk berhijrah ke arah digital, beliau telah melancarkan Testbed 5G CENTEXs dan SDEC baru-baru ini walaupun teknologi 4G dan 3G belum menyeluruh di negeri ini.

Dalam pada itu, beliau menekankan bahawa pelbagai maklumat dan jenis pemikiran atau ideologi dari seluruh pelosok dunia perlu dipantau supaya tidak mendatangkan kemudatan kepada masyarakat.

“Justeru, kita telah mewujudkan satu rangka perundangan di bawah Lembaga Multimedia Sarawak (SMA) supaya pelbagai aktiviti berkaitan pendigitalan berada di bawah ruang lingkup yang dibenarkan oleh undang-undang,” ujarnya lagi.

Pada majlis sama, Abang Johari juga menyampaikan sumbangan dana berjumlah RM915,000 daripada kerajaan negeri kepada Masjid Al-Abyad bagi kerja menaik taraf fasiliti masjid tersebut.

Hadir sama, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Toh Puan Ragad Kurdi Taib juga isteri Ketua Menteri Datin Patinggi Datuk Amar Juma'ani Tuanku Bujang.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.  
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/penghijrahan-ke-pentadbiran-digital-langkah-tepat-abang-johari-256021>